

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH  
[ LEDANG ]**

**TARIKH : 14 OGOS 2018 (SELASA)**

**SOALAN : 15**

**Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [ Ledang ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah projek Mass Rapid Transit 3 (MRT3) juga hanya ditangguhkan dan bukannya dibatalkan kerana menelan perbelanjaan yang besar pada waktu ini seperti projek kereta api berkelajuan tinggi Kuala Lumpur-Singapura (HSR) dan berkemungkinan akan dilaksanakan pada masa depan. Bagaimana Kerajaan menilai sesuatu projek itu wajar dilaksanakan atau tidak.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah memutuskan untuk mengkaji semula projek kereta api berkelajuan tinggi Kuala Lumpur-Singapura (HSR) dan menangguhkan Mass Rapid Transit 3 (MRT3) setelah mengambil kira implikasi kewangan yang tinggi kepada negara. Keputusan ini adalah selaras dengan komitmen kerajaan untuk mengurangkan tanggungan kewangan dan kadar hutang negara melalui kajian semula dan penangguhan beberapa projek mega yang menelan kos berbilion ringgit termasuk kedua-dua projek terbabit. Sebagai contoh, kos pembiayaan bagi projek HSR adalah dianggarkan antara RM60 dan RM100 bilion, manakala kos MRT 3 pula adalah dianggarkan antara RM40 dan RM50 bilion. Selain daripada komitmen untuk mengurangkan hutang negara, keputusan yang diambil juga adalah berdasarkan penilaian yang dilakukan terhadap beberapa elemen penting untuk melaksanakan projek ini contohnya kos pembiayaan projek seperti perbelanjaan modal dan penyenggaraan serta pulangan ekonomi kepada negara.